



GARIS PANDUAN PENGGUNAAN PEMBESAR SUARA

JABATAN MUFTI
NEGERI PERAK

Untuk Azan, Iqamah, Bacaan Al-Quran, Zikir Munajat, Tarhim Dan Kuliah Dalam Negeri Perak

Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak setelah meneliti keterangan dan menimbang secara saksama dengan mengambil kira maslahah (kebaikan) dan mafsadah (keburukan) terhadap urmrah khasnya dalam Negeri Perak, maka, memperaku seperti berikut :

Azan & Iqamah

Bagi memelihara Syariat, meninggikan Syiar Islam dan menghayati amalan sunnah berjamaah, maka Azan dan Iqamah **diharuskan untuk menggunakan pembesar suara (bahagian dalam dan luar) untuk memaklumkan waktu masuk solat dan bagi mendirikan solat;**

Bagaimanapun, berdasarkan pendapat mazhab Syafe Iqamah dilakukan dengan suara yang lebih rendah daripada suara Azan.

Disarankan kepada para imam ketika :-

Bacaan Imam sewaktu solat

Amalan zikir

Berdoa secara beramai-ramai selepas solat

untuk menggunakan pembesar suara
(BAHAGIAN DALAM sahaja)

Sekiranya terdapat para jamaah yang sedang melaksanakan solat, maka hendaklah direndahkan/diminimumkan suara bagi mengelakkan gangguan terhadap mereka yang sedang melakukan solat.

Bacaan al-Quran sebelum waktu solat

Dalam jangka masa

5 minit sebelum Azan.

Boleh diperdengarkan bacaan tarhim, bacaan al-Quran dengan menggunakan **pembesar suara (bahagian luar)** secara kadar sederhana

Lebih menepati sunnah untuk **dilaksanakan Azan pertama sejam sebelum masuknya waktu subuh** untuk menyedarkan orang yang sedang tidur untuk menuaikan solat subuh

Bacaan Zikir & Tarhim

Tegehan Nabi SAW dalam beberapa hadis bukan bermaksud menegah daripada membaca al-Quran atau zikir dengan jaher secara mutlak akan tetapi demi mengetarkan gangguan kepada orang-orang yang sedang solat yang berkemungkinan akan mengganggu kehusyukan sewaktu solat atau mereka yang sedang tidur dan berehat.

Rasulullah S.A.W bersabda :

"Sesungguhnya orang yang bersolat itu bermundarat atau berkomunikasi dengan Tuhannya Azza Wa Jalla, maka seharusnya dia mengetahui apa yang diperkataannya itul **dan janganlah pula sebahagian kamu mengeraskan suara melebihi yang lainnya dalam membaca al-Qur'an.**" -

H/R Ahmad dalam Musnad Ahmad (no. 19022)

Sesi Kuliah

Disarankan pelaksanaan sesi kuliah Maghrib, kuliah Subuh dan kuliah Dhuha yang dilaksanakan di dewan utama masjid, surau diri Jumaat (SDJ) dan surau menggunakan **pembesar suara (bahagian dalam) sahaja.**



Disediakan oleh

JABATAN MUFTI NEGERI PERAK